

BULETIN

PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN



SEPT - DISEMBER BIL : 3 / 2021
ISSN : 2232-1454



Sila Scan QR CODE untuk muat turun
Buletin PPANS



Idea, Konsep Asal & Susunan : Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan www.nslibrary.gov.my ppans@ns.gov.my

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN PERSIARAN S2 B2, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



ISI KANDUNGAN

MS

SIDANG EDITORIAL PPANS	02
LENSA PENGARAH	03
DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN	04
BUKU TERKINI PPANS	05
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020 PPANS	06
HARI SUKAN NEGARA	07
MAJLIS PERASMIAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN	08-09
MAJLIS SEMARAKKAN MEMBACA #KELUARGA MALAYSIA	10-11
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN BERCERITA KANAK-KANAK PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TEMA COVID OH COVID SECARA RAKAMAN VIDEO	12-13
FOKUS LENSА	14-15
WAGHIH MEMBACA	16-17
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	18
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	19
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	20

☎ Tel : 06-7635989 06-7621308
 📠 Fax : 06-7635944
 ✉ Email : ppans@nslibrary.gov.my
 🌐 Laman Sesawang : www.nslibrary.gov.my
 📍 Alamat : Perbadanan Perpustakaan Awam
 Negeri Sembilan Darul Khusus
 Jalan Persiaran S2 B2, Seremban 2
 70300 Seremban
 Negeri Sembilan Darul Khusus



SEPT - DISEMBER BIL : 3 / 2021

ISSN : 2232-1454



PENAUNG

YB DATO' DR. RAZALI B. AB MALIK

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
 Merangkap Pengerusi
 Perbadanan Perpustakaan Awam
 Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

HAJAH JAMILAH @ CHUMILA BINTI HAJI KATIS

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam
 Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

HAMDAN BIN HAJI NORDIN

Penolong Pengarah
 Perbadanan Perpustakaan Awam
 Negeri Sembilan Darul Khusus

PENOLONG KETUA PENGARANG

SITI NORSARIZA BINTI MAT RASHID

Ketua Unit Korporat, PPANS

GRUP BULETIN PPANS

Unit Korporat , PPANS
 Unit Gerakan Membaca N.S
 Unit Perolehan
 Unit Media
 Unit Teknologi & Komunikasi
 Bahagian Pelanggan

PENGEDARAN DAN PROMOSI

YUSRIZAL BIN ANI

Unit Korporat PPANS

REKABENTUK & PERCETAKAN

PERCETAKAN CAHAYA MURNI

JURUFOTO

UNIT MEDIA PPANS

DITERBITKAN OLEH

UNIT KORPORAT
 PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
 NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



9 OKTOBER 2021

SARINGAN KESIHATAN WANITA OLEH DR ILIZA IDRIS BIRO PENDIDIKAN & KESIHATAN BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN DI KLANA RESORT SEREMBAN



1 NOVEMBER 2021

MAJLIS PELANCARAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DI PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



11 NOVEMBER 2021

MAJLIS PERASMIAN BULAN KELUARGA MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2021 DI DEWAN PAVILLION PUSAT KELUARGA LPPKN



17 NOVEMBER 2021

MESYUARAT PENGURUSAN PPANS BIL.2/2021 DI PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN PORT DICKSON



21 NOVEMBER 2021

PROGRAM BAKRIYAH ZIARAH KASIH DATIN SERI HAJAH WAN HASNI BINTI WAN YUSOF KE DUN PERTANG



26-29 NOVEMBER – 3 DISEMBER 2021

PERSIDANGAN KEDUA (BELANJAWAN) PENGGAL KEEMPATDEWAN UNDANGAN NEGERI , NEGERI SEMBILAN YANG KE-14



27 NOVEMBER 2021

MAJLIS PELANCARAN KEJOHANAN BOLA JARING PIALA DATIN SERI WAN HASNI WAN YUSOF DI KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN PAROI, SEREMBAN



3 DISEMBER 2021

LAWATAN PENANDA ARAS PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG KE PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



6 – 7 DISEMBER 2021

MESYUARAT MAJLIS PENGARAH-PENGARAH PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA DI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI, SEREMBAN 2

PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

- 📍 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_jempol@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-458 5260



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

- 📍 71600 Kuala Klawang, Jebebu, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_jelebu@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-613 6175



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P. DICKSON

- 📍 Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_pd@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-647 7677



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

- 📍 Jalan Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_rembau@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-685 3302



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K. PILAH

- 📍 Jalan Bukit, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_kualapilah@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-481 1461



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

- 📍 Jalan Kelab, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pac_tampin@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-441 1289



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

- 📍 Jalan Tok Sulong, 73400 Gemas, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pacgemas@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 07-9482725

PERPUSTAKAAN DESA

Perpustakaan Desa Legong Ulu
Kg. Legong Ulu, 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan.
Email: desa_legongulu@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 012-244 3067

Perpustakaan Desa Titian Akar
Kg. Titian Akar, 71150 Linggi, Negeri Sembilan.
Email: desa_titianakar@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 06-696 6479

Perpustakaan Desa Kg. Rendah
Kg. Rendah Rembau, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
Email: desa_kgrendah@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 013-605 5781

Perpustakaan Desa Air Hitam
Kg. Baru Felcra Air Hitam, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
Email: perpustakaanendesairhitam@gmail.com
No. Telefon: 06-4676099

Perpustakaan Desa Serting Hilir Kompleks
72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
Email: pdsertinghilir@yahoo.com
No. Telefon: 06-4683024

Perpustakaan Desa Felda Palong 7
73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan
Email: pdfeldapalong7@gmail.com
No. Telefon: 06-4646697

Perpustakaan Desa Kg. Talang
Kg. Talang, 71500 Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan.
Email: pdtalang1@gmail.com
No. Telefon: 011-20694430

Perpustakaan Desa Seri Menanti
Dewan Tuanku Ampuan Najihah Negeri Sembilan.
Email: sitihazidah@gmail.com
No. Telefon: 06-4970133

Perpustakaan Desa Simpang Pertang
d/a Balai Penghulu, 72300 Simpang Pertang, Jebebu, Negeri Sembilan.
Email: norliza.abuzaid@yahoo.com
No. Telefon: 06-4920073

Perpustakaan Desa Kg. Chennah
Kg. Chennah, 71650 Titi Jebebu, Negeri Sembilan.
Email: pdchennah@gmail.com
No. Telefon: 06-6111058

Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan
73200 Gemenceh, Negeri Sembilan.
Email: pdaks.2001@gmail.com
No. Telefon: 06-447 8022

Perpustakaan Desa Jelai 4
Jelai 4, 73480 Gemas, Negeri Sembilan.
Email: pdj4.pact@gmail.com
No. Telefon: 06-434 8973

Perpustakaan Awam Pekan Mantin
Jalan Sekolah
71700 Mantin, Negeri Sembilan.
Email: hayatiismail1964@gmail.com
No. Telefon: 06-757 1315

Perpustakaan Awam Pekan Bahau
72100 Bahau, Negeri Sembilan.
Email: librarybahau@gmail.com
No. Telefon: 06-4542036

Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusuf
12 lot 15709, Tingkat bawah Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
Email: ptp.abdulkadir Yusuf.1@gmail.com
No. Telefon: 06-6791722

Perpustakaan Islam Masjid Negeri
Bangunan Masjid Negeri, Jalan Dato' Hamzah, 70000, Seremban.
Email: pinsmasjidnegeri@yahoo.com.my
No. Telefon: 011- 2323 2868



Judul : Antologi Cerpen: Busut
No. Panggilan : 899.233010803 ANT
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 15.00
Penerbit : Sri Saujana Marketing
Muka surat : 150 ms

Judul : Formula Kekayaan
No. Panggilan : 332.024 SIT
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 12.00
Penerbit : Telaga Biru Sdn Bhd
Muka surat : 150 ms




Judul : Harta Sepencarian
No. Panggilan : 340.59 AHM
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 44.30
Penerbit : Telaga Biru Sdn Bhd
Muka surat : 140 ms

Judul : Percaya Aku Boleh,
Pasti Berjaya Jangan Putus Asa
No. Panggilan : 158.1 HAB
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 22.00
Penerbit : Sri Saujana Marketing
Muka surat : 250 ms



Judul : Ensiklopedia Soal Jawab Agama
No. Panggilan : KI 297.03 ZUL
Bahagian : Rujukan
Harga : RM 69.00
Penerbit : Telaga Biru Sdn Bhd
Muka surat : 568 ms

ULASAN BUKU



TAJUK :
ENSIKLOPEDIA SOAL JAWAB AGAMA

PENULIS :

- Dato' Dr. Zulkifli al-Bakri
- Dr. Mohammad Nidzam Abdul Kadir
- Dr. Mohd Azrul Azlen Abd. Hamid
- Dr. Nik Abd Rahim Ghani.
- Dr. Azhar Mohamed
- Ustaz Rohidzir Rais

SINOPSIS:

- Mengandungi kepelbagaian soalan dan jawapan yang berkaitan dengan akidah, tasawuf, taharah, solat dan muamalat daripada penulis-penulis yang ahli dalam bidangnya.
- Terdapat jawapan daripada persoalan yang remeh-temeh, kontroversi dan umum diketahui masyarakat tetapi jarang dipersoalkan kerana malu untuk bertanya mengenai kepelbagaian aspek.
- Menelusuri huraian lengkap daripada penulis kepada setiap persoalan yang dikemukakan untuk memudahkan pemahaman pembaca.

PAHAR

Dulang berkaki yang dibuat daripada tembaga atau gangsa. Pahar digunakan sebagai bekas makanan (dulang) bagi hidangan pembesar adat iaitu Buapak, Lembaga dan Undang atau Penghulu Luak. Pahar juga digunakan untuk bekas nasi kunyit, nasi semangat atau sirih junjung dan juga sebagai bekas hantaran pertunangan dan perkahwinan.

PPANS telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Majlis ini bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kerja PPANS yang telah menunjukkan prestasi kerja dan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2020. Seramai 6 orang kakitangan PPANS telah terpilih menerima APC kali ini iaitu Encik Berembi bin Hj. Berahim (Penolong Pustakawan) Puan Siti Norsariza binti Mat Rashid (Penolong Pustakawan) Encik Ahmad bin Ismail (Pengawal Keselamatan) Encik Mohd Faizal bin Abdul Rahman (Pemandu) Puan Nurul Syuhada binti Zulkafli (Pembantu Pustakawan) Encik Mohd Syafiq bin Nasarudin (Pembantu Operasi). Majlis telah diadakan di Bilik Seminar PPANS pada 2 September 2021.


PENERIMA ANUGERAH


BEREMBI BIN HJ. BERAHIM
PENOLONG PUSTAKAWAN GRED S32

PENERIMA ANUGERAH


SITI NOR SARIZA BINTI MAT RASHID
PENOLONG PUSTAKAWAN GRED S29

PENERIMA ANUGERAH


NURUL SYUHADA BINTI ZULKAFLI
PEMBANTU PUSTAKAWAN GRED S19 (KONTRAK)

PENERIMA ANUGERAH


AHMAD BIN ISMAIL
PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11

PENERIMA ANUGERAH


MOHD FAIZAL BIN ABDUL RAHMAN
PEMANDU GRED H11

PENERIMA ANUGERAH


MOHD SYAFIQ BIN NASRUDIN
PEMBANTU OPERASI GRED N11 (KONTRAK)

Sempena Hari Sukan Negara yang disambut pada 9 Oktober 2021 yang lalu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah mengatur beberapa inisiatif program bagi sambutan Hari Sukan Negara (HSN). Pelbagai aktiviti menarik sudah dirancang antaranya Senaman Erobic, Pertandingan Fotografi Kreatif Sempena Hari Sukan Negara dan Pertandingan E-Sport FIFA 2021. Pelaksanaan Hari Sukan Negara Semasa Pendemik ini tidak menghalang pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dalam mengadakan pelbagai aktiviti termasuk bersukan bagi mengekalkan kecerdasan dan mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif dengan mematuhi SOP (Prosedur Operasi Standard) yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.





SEREMBAN – Peneguhan sikap dalam kalangan masyarakat terhadap penggunaan bahasa hendaklah diberi tumpuan dalam pengisian program sambutan DBK 2021-2030. Pemupukan sikap tersebut tidak harus dipandang ringan kerana dibimbangi bahawa bahasa yang kurang diungkapkan dalam apa-apa jua suasana akan menghilangkan kewibawaan jati diri bangsa dan bahasa Melayu yang disanjung selama ini akan hilang akarnya.

Menurut YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun lagi, beliau menyokong penuh usaha untuk memartabatkan bahasa ini dan turut menyeru semua masyarakat agar menggunakan bahasa kebangsaan kerana bahasa tersebut yang menyatukan semua bangsa di Malaysia.

“Program DBK ini perlulah diadakan secara berterusan kerana usaha menanam rasa megah terhadap bahasa kebangsaan bukanlah sifatnya bermusim. Sesungguhnya, peranan dan hak kepentingan bahasa serta sumbangan dalam mewujudkan masyarakat yang berbudaya tinggi dan memiliki minda kelas pertama amatlah penting.”



Demikianlah antara pesanan dan amanat yang disampaikan oleh YAB Dato' Seri Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, yang merasmikan pelancaran majlis tersebut. Yang turut mengiringi beliau ialah YB Dato' Dr. Razali Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, merangkap Pengerusi PPANS; Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (Exco); Tuan Haji Johari Hasan, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) DBP; Puan Hajah Jamilah Haji Katis, Pengarah PPANS; dan Tuan Haji Hassan Alias, Pengarah DBP Wilayah Tengah.



Program DBK dilaksanakan untuk melahirkan bangsa Malaysia dan rakyat Negeri Sembilan yang mengamalkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, seterusnya memupuk masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama dan meningkatkan kesedaran serta kecintaan masyarakat terhadap bahasa kebangsaan.

Antara pengisian program yang mewarnai majlis itu termasuklah Majlis Pelancaran Buku Sajak-sajak Pilihan *Dharmawijaya*, nukilan Allahyarham Kamaruzzaman Abdul Kadir (*Dharmawijaya*) yang turut dihadiri oleh anak Allahyarham, iaitu Encik Asrul Effendi Kamaruzzaman, Penolong Kurator, Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Selain itu, berlangsung juga Majlis Penyerahan Pinjaman Buku Berkelompok kepada empat institusi penjara di bawah Jabatan Penjara Negeri Sembilan, iaitu Penjara Seremban, Penjara Mantin, Penjara Gemas, dan Penjara Jelebu.



#Negeri Sembilan
Bersih Muafakat Sajatara

@dsaminuddinharun

Pelbagai program DBK telah berlangsung dari bulan Mei hingga bulan November 2021. Antaranya termasuklah Bengkel Penulisan dan Pendeklamasi Sajak, Pertandingan Penulisan dan Mendeklamasi Sajak, Forum Semarak Bahasa: Uniknya Dialek Negeri Sembilan, Program Sembang Bahasa "Betulkan yang Biasa, Biasakan yang Betul" bersama-sama Sasterawan Negeri Sembilan (Puan Hajah Mahaya Mohd Yasin), Bengkel Pengkaedahan Jawi dan Pertandingan Bercerita Kanak-kanak. Kesemua aktiviti ini telah mendapat penyertaan dan penglibatan yang sangat membanggakan daripada semua pihak.

Majlis Pelancaran Program Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK) Peringkat Negeri Sembilan 2021 telah berlangsung dengan jayanya hasil kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) dengan beberapa jabatan dan agensi, iaitu DBP Wilayah Tengah, PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan, dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Majlis pelancaran tersebut diadakan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2 pada pukul 10.30 pagi tadi.

24 November 2021 – YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni Binti Wan Yusof, Yang Di Pertua BAKRIYAH Negeri Sembilan telah melancarkan Majlis "Semarakkan Membaca Keluarga Malaysia" Sempena Bulan Keluarga Malaysia 2021 di Perpustakaan Negeri, Seremban 2 dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sembilan, dan BAKRIYAH Negeri Sembilan.

Selaras dengan konsep Keluarga Malaysia yang telah di inspirasikan oleh YAB Perdana Menteri, sambutan Bulan Keluarga Malaysia pada tahun ini akan memberi fokus kepada 5 nilai perkhayatan Keluarga Malaysia, iaitu K.A.S.I.H yang merangkumi Kasih Sayang, Akhlak atau peribadi mulia, sihat fizikal dan mental, berilmu dan harmoni sebagai nilai yang perlu ada dalam setiap keluarga.



Amalan Membaca merupakan permulaan positif dan langkah pertama dalam penjaan dan penyebaran ilmu. Membaca juga merupakan aktiviti yang mudah, menyeronokan serta berupaya merehatkan minda. Rakyat Malaysia yang tidak mengetahui kepentingan amalan membaca perlulah membudayakan amalan ini yang mengandungi pelbagai manfaat yang tidak dapat dipertikaikan lagi.

Amalan Membaca perlu dipupuk pada peringkat awal dan perlu bermula dari rumah. Dalam konteks ini peranan ibu bapa amat penting bagi memastikan amalan membaca anak-anak dapat ditanam seawall usia. Disamping itu, membaca juga merupakan prasyarat kepada usaha-usaha untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Majlis Semarakkan Membaca Keluarga Malaysia sempena Bulan Keluarga Malaysia 2021 adalah salah satu inisiatif dalam mewujudkan keluarga membaca dan langkah menyedarkan masyarakat bahawa amalan membaca ini perlulah bermula bersama keluarga. Antara objektifnya adalah:-

- Menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan keluarga bermula dari awal usia dan dimulai di rumah.
- Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan amalan membaca dan manfaat yang tidak dapat dipertikaikan.
- Membangunkan keluarga berilmu pengetahuan melalui membaca agar terus cerdas serta berdaya saing.





Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Bercerita Kanak-kanak Peringkat Negeri Sembilan tema Covid Oh Covid!! Peringkat Negeri Sembilan telah berlangsung dengan jayanya pada 9 Disember 2021 bertempat di Pentas Aktiviti Kanak-kanak, Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Majlis telah di sempurnakan oleh Yang Berbahagia Datin Dr. Hasnah binti Mohamad Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan. Seramai 7 orang telah dipilih sebagai pemenang bagi setiap kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Kostum Terbaik, Kategori Persembahan Terbaik dan Kategori Video Keseluruhan. Setiap pemenang akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai, buku serta sijil bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Pertandingan Bercerita Kanak-kanak Covid oh Covid!! Peringkat Negeri Sembilan anjuran PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) bersamarakan strategic Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Ia merupakan salah satu aktiviti yang diadakan sempena Dekad Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan. Pertandingan ini berjalan melalui kaedah rakaman video Bahasa Melayu dan dimuatnaikkan di dalam platform Facebook.



Pertandingan Bercerita sebagai salah satu cabang ilmu dilihat mampu menjadi salah satu wahana yang dapat memupuk disiplin dalam diri para pelajar dan untuk memotivasikan kanak-kanak untuk mendalami kemahiran berkomunikasi secara berkesan melalui bercerita.



OBJEKTIF

- Menyerlahkan jati diri dan citra bangsa Malaysia menerusi bahasa dan sastera kebangsaan serta mempersegarkan kecintaan dan kemegahan terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Negara.
- Mengeratkan dan memperkukuhkan perpaduan bangsa menerusi kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan, serta menyerlahkan fungsi dan peranan bahasa dan sastera sebagai salah satu tonggak pembinaan tamadun bangsa Negara.
- Mendedahkan kepada pelajar-pelajar dan penduduk setempat akan kepentingan budaya ilmu dalam mengharungi era globalisasi maklumat yang serba mencabar



30 OGOS 2021

MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PENYATA KEWANGAN JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SEMBILAN KEPADA PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DI BILIK SEMINAR PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI



2 SEPTEMBER 2021

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020 KEPADA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN BERTEMPAT DI BILIK SEMINAR, PERPUSTAKAAN NEGERI



27 SEPTEMBER 2021

PROGRAM ENGLISH PANEL PANDEMIC WEEK SEKOLAH KEBANGSAAN SEREMBAN 2B DI RUANG AKTIVITI KANAK-KANAK PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI



3 NOVEMBER 2021

BENGGKEL STRATEGI PEMASARAN DAN PROMOSI MELALUI (FACEBOOK)
DI BILIK SEMINAR PPANS



12 NOVEMBER 2021

MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH BIL.2/2021 DI BILIK MESYUARAT 1,
PERPUSTAKAAN NEGERI SEREMBAN 2



18 NOVEMBER 2021

PERSIDANGAN KEDUA (BELANJAWAN) PENGGAL KE-4 DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
YANG KE-14 DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, SEREMBAN







25 SEPTEMBER 2021

PENYERAHAN KUNCI RUMAH KEPADA 27 PESERTA DESA RIMBUN KASIH, REMBAU



28 SEPTEMBER 2021

MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) NEGERI SEMBILAN YANG BAHARU PUAN DR.HADIJAH BABA DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN



4 OKTOBER 2021

MENYAMPAIKAN GERAN HAK MILIK PESERTA FELDA FELCRA ROMPIN A DI KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH JEMPOL




8 OKTOBER 2021

MERASMIKAN KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA YAB MENTERI BESAR 2021 DI MYDIN MALL SEREMBAN 2



17 OKTOBER 2021

MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN HOKI NEGERI SEMBILAN (PHNS)
DI KLANA RESORT SEREMBAN

29 OKTOBER 2021

MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA YBHG DATUK RODZI MD. SAAD, KETUA
PENGARAH KESELAMATAN NEGARA, MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN) DI KEDIAMAN RASMI
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN.

1 NOVEMBER 2021

MELANCARKAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
DI PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



15 NOVEMBER 2021

MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN PERSATUAN VETERAN ATM (PVATM) NEGERI SEMBILAN KE-67 DI KLANA RESORT SEREMBAN



26 NOVEMBER 2021

PEMBENTANGAN BELANJAWAN NEGERI SEMBILAN 2022 DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, SEREMBAN



6 DISEMBER 2021

MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PARA PEMENANG STEM EVOLUTION PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2021 YANG DIANJURKAN OLEH JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DI KLANA RESORT